

# Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama 2013

**Seminar** Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama 2013 (SIGMA 3) akan diadakan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, pada 28 September, manakala ahli akademik yang berminat membentangkan kertas kerja boleh menghantar abstrak sebelum 30 Ogos dan kertas kerja penuh (16 September).

SIGMA 3 bertemakan Isu Berkaitan Akidah dan Perbandingan Agama di Alam Melayu itu memberi peluang kepada peserta untuk menelusuri metodologi akidah dan kajian agama bersama-sama ahli akademik tempatan serta antarabangsa.

Subtema seminar meliputi isu akidah, tasawuf, sufisme dan kerohanian di alam Melayu, selain turut menyorot ajaran sesat dan gerakannya di rantau ini.

Seminar itu turut mengam-

bil kira persoalan berkaitan perbandingan agama dan dialog antara agama serta isu mengenai gerakan mubaligh Kristian, sekularisme dan murtad di alam Melayu.

SIGMA 3 turut menyorot pendekatan untuk mempertahan dan memperkukuhkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ), selain pendekatan yang harmoni dalam masyarakat pelbagai budaya dan agama.

Subtemanya turut menyentuh fahaman Wahabi dan aliran Syiah di alam Melayu, pendidikan akidah secara praktikal dan peranan kerajaan, pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) serta institusi Islam yang berkaitan akidah dan hubungan antara agama.

Maklumat lanjut hubungi Yuseri di talian 06-7988672; e-mel [yuseri@usim.edu.my](mailto:yuseri@usim.edu.my) atau Rosmizi (06-7988724/[rosmizi@usim.edu.my](mailto:rosmizi@usim.edu.my)).